



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**SEMPENA
PROGRAM PEMERKASAAN SEKTOR PERTANIAN
KPKM INC. PULAU PINANG**

**28 SEPTEMBER 2025 | AHAD
PUSAT PENEMPATAN BANJIR LABUH BANTING
DAERAH SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita dapat bersama-sama dalam Majlis Perasmian Program Pemerkasaan Sektor Pertanian KPKM Inc. Pulau Pinang.
2. Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Fahmi bin Zainol, Pengerusi Jawatankuasa Program Pemerkasaan Sektor Pertanian KPKM Inc. Pulau Pinang, atas kejayaan menganjurkan program pada hari ini. Syabas juga kepada semua pihak yang terlibat menjayakan usaha murni ini.
3. Program ini bukan sahaja menjadi wadah mengeratkan hubungan antara warga tani dan kepimpinan kerajaan, malah tanda penghargaan terhadap sumbangan besar petani yang menjadi nadi kepada bekalan makanan negara.
4. Kita bersyukur kerana meskipun dunia berdepan krisis bekalan makanan, Malaysia masih kekal mempunyai stok makanan yang stabil, mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan. Semua ini adalah hasil komitmen dan kerja keras petani, penternak, nelayan serta agropreneur yang sebenarnya adalah *frontliner* sektor agromakanan negara

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Keterjaminan makanan bermakna rakyat mendapat akses kepada makanan yang cukup, selamat, berkhasiat dan berpatutan. Kerajaan komited memastikan agenda ini terus

diberi keutamaan melalui usaha meningkatkan pengeluaran domestik, memperluaskan penggunaan teknologi moden, mengurangkan kebergantungan import dan memperkukuh kualiti hasil tempatan.

6. Bagi tahun 2025, kerajaan menyalurkan peruntukan besar kepada jabatan dan agensi agromakanan untuk mempergiat pelbagai projek, program dan inisiatif di seluruh subsektor termasuk tanaman makanan, padi dan beras, penternakan serta perikanan. Langkah ini bertujuan membantu golongan sasaran memperkukuh aktiviti pertanian sekaligus meningkatkan pendapatan secara berterusan.
7. Sejajar dengan dasar KPKM, lima hala tuju utama telah digariskan iaitu:
 - i. Memodenkan dan meningkatkan pengeluaran bagi menjamin kestabilan bekalan serta harga makanan;
 - ii. Merancakkan pelaburan swasta dan dagangan eksport;
 - iii. Menjadikan pertanian sebagai sumber pendapatan mampan dan menguntungkan;
 - iv. Menambah baik ekosistem industri pertanian untuk menyokong pemodenan dan pelaburan; serta
 - v. Memperkukuh tadbir urus serta sistem penyampaian jabatan dan agensi.
8. Di Pulau Pinang, walaupun sektor padi negeri menunjukkan sedikit penurunan, iaitu purata hasil musim utama 2024/2025 sebanyak **4.81 tan sehektar** berbanding **4.86 tan sehektar** pada musim sebelumnya, pelbagai langkah sedang diambil

bagi mengoptimumkan tanah, meningkatkan produktiviti dan menangani cabaran termasuk serangan perosak, tanah jerlus dan isu pengairan. Sehubungan itu, intervensi segera dilaksanakan melalui **Program Mengoptimumkan Penggunaan Tanah** dengan peruntukan khas daripada KPKM.

9. Selain itu, sukacita diumumkan bahawa **Kampung Guar Petai** telah dipilih sebagai **Kampung Angkat MADANI KPKM** melibatkan **peruntukan keseluruhan sebanyak RM2,138,714.00**. Daripada jumlah tersebut, sektor pertanian telah diperuntukkan sebanyak RM1,878,200.00, manakala sektor penternakan sebanyak RM260,514.00.
10. Projek tersebut melibatkan keluasan fizikal 112.3 hektar merangkumi Kampung Labuh Banting, Kampung Tok Jawa dan Kampung Baru di daerah Seberang Perai Utara membabitkan kerja penyelenggaraan parit sepanjang 20,000 meter, pengapuran dan perataan tanah 150 hektar, pembinaan infrastruktur sokongan serta penyediaan mesin moden seperti traktor dan dron serta bantuan input pertanian bagi mengawal serangan keladi agas. Hasil pelaksanaan projek ini akan meningkatkan keberkesanan sistem saliran dan pengairan, mengurangkan kerugian hasil akibat serangan perosak dan rumpai serta menambah baik kecekapan kerja pesawah melalui penggunaan mekanisasi moden
11. Bagi **subsektor ternakan, seramai 10 penternak** turut menerima bantuan infrastruktur ladang, baka ternakan, mesin, peralatan dan makanan ternakan dengan peruntukan

RM260,514,00 sekali gus mengurangkan kos operasi dan meningkatkan daya saing.

12. Manakala dalam industri hiliran, KPKM menyokong projek keusahawanan tempatan seperti **Projek Ayunis Enterprise** yang menghasilkan produk maruku dengan nilai jualan mencecah **RM2.5 juta setahun** dan **Projek Dodol Dapur Kayu** oleh En. Mohd Hafiz bin Ramli yang mengekalkan warisan resipi tradisional dengan jualan tahunan sekitar **RM100,000.00**.
13. Selain itu, dalam aspek pemasaran, FAMA akan memainkan peranan penting melalui program Jualan AgroMadani yang menghubungkan petani terus kepada pengguna. Usaha ini bukan sahaja memberi pulangan lebih baik kepada petani, malah membantu rakyat mendapat barangan segar pada harga berpatutan, sambil mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah. Selain itu, pemasaran digital dan platform e-dagang turut diperluas bagi memastikan produk tempatan menembusi pasaran yang lebih luas dan berdaya saing.

Sidang hadirin sekalian,

14. Kerajaan Persekutuan melalui Dasar Agromakanan Negara 2.0 berhasrat mereformasikan sektor agromakanan kepada sektor yang berdaya tahan, moden dan berteknologi tinggi. Sehubungan itu, saya menyeru agar golongan muda khususnya, menguasai teknologi baharu seperti IoT, AI,

automasi, mekanisasi dan pendigitalan maklumat bagi melonjakkan produktiviti sektor ini.

15. Kerjasama erat semua pihak – petani, penternak, nelayan, usahawan, agensi dan kerajaan negeri – amat penting untuk memastikan kesejahteraan sosioekonomi golongan sasaran dan menjamin sekuriti makanan negara.
16. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus menjayakan program ini. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan ini merasmikan **Majlis Penutup Program Pemerkasaan Sektor Pertanian KPKM Inc. Pulau Pinang 2025.**

Sekian, terima kasih. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum wbt.